



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
ARAS 8, BLOK C7, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62520 PUTRAJAYA.



Telefon : 03-8885 6000  
Fax : 03-8888 5039  
Web: <http://www.spa.gov.my>



Ruj. Kami: SPA.S(KT)015/32/(22)

Tarikh: 28 September 2010

Ketua Setiausaha  
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan  
Bahagian Sumber Manusia  
Tingkat 2, 3 dan 4, Blok F  
Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana  
Jalan Dato' Onn  
**50610 KUALA LUMPUR**  
(u.p.: Puan Siti Robani binti Yusof)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN KEPADA 39 ORANG  
PEGAWAI PELBAGAI JAWATAN DAN GRED DARI BAHAGIAN PELESENAN  
DAN PENGUATKUASAAN, KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN  
KEBUDAYAAN KE PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.(K)256/4/10-V Klt.11/(86) bertarikh 26 Ogos 2010 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen kepada 39 orang pegawai pelbagai jawatan dari Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan seperti di Lampiran ke Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) berkuatkuasa mulai **1 Jun 2010**.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menawarkan opsyen kepada 39 orang pegawai yang terlibat;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada **1 Jun 2010**;
- (iv) tawaran gaji seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002; dan

...2/-


(iv) tarikh kekananan pegawai dikekalkan.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti di Lampiran kepada 39 orang pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(CHAN HONG JIN)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

☎ : 03-88856161  
☎ : 03-8885039  
✉ : chan@spa.gov.my

**s.k.:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 W.P. PUTRAJAYA**  
**(u.p.: Encik Abu Bakar bin Idris)**

Ketua Pengarah  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia  
Kompleks Studio Merdeka  
Lot 1662, Batu 8  
Jalan Ulu Kelang  
68000 Ampang  
**SELANGOR**  
**(u.p.: Puan Rozita Waty binti Ridzuan)**

## LAMPIRAN A

### **SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI PEGAWAI DI BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN, KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN KE PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

1. Kerajaan telah memutuskan untuk memindahkan fungsi penguatkuasaan dan pelesenan di Bahagian Penguatkuasaan dan Pelesenan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) ke Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Dengan keputusan tersebut, tuan/ puan dengan ini diberi opsyen sama ada **bersetuju** untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama dengan jawatan asal tuan/ puan di FINAS ataupun sebaliknya jika **menolak**, tuan/ puan akan dikekalkan di atas skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.

#### **OPSYEN**

2. Tempoh opsyen yang diberikan kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan adalah selama **30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan**. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan bersyarat atau gagal mengembalikan borang tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.

#### **TEMPOH PERSETUJUAN**

3. Tuan/ Puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan **ditawarkan ke jawatan baru di skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama dengan gred jawatan asal tuan/ puan**. Gelaran jawatan tuan/ puan jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

#### **JAWATAN YANG DITAWARKAN**

4. Tuan/ Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

#### **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN**

BARU

5. (a) Tuan/ Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal pada tarikh pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip 'matagaji tertinggi berhampiran' dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1);
- (b) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan asal pada tarikh pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang **tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal.**
- (c) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

GAJI PERMULAAN

6. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/ puan pada tahun pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN

7. Tarikh pergerakan gaji tuan/ puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan iaitu pada **1 April tahun berikutnya.**

TARIKH  
PERGERAKAN GAJI

8. Tuan/ Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun, untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan baru oleh Pihak

TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
TELAH DISAHKAN

Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

9. Tuan/ Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, tuan/ puan dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.

**TEMPOH  
PERCUBAAN BAGI  
PEGAWAI YANG  
BELUM DISAHKAN**

10. Kekananan tuan/ puan yang bersetuju menerima opsyen pertukaran pelantikan ini adalah **dikekalkan**.

**KEKANANAN**

11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim KWSP semasa disahkan dalam perkhidmatan baru. Jika tuan/ puan tidak memilih skim KWSP, tempoh perkhidmatan tuan/ puan yang lepas boleh dimasukkan kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

**OPSYEN  
SKIM KWSP**

12. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen dalam perkhidmatan di jawatan asal, tuan/ puan layak diberi taraf berpencen di perkhidmatan baru mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.

**TARAF BERPENCEN**

13. Tuan/ Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.

**CUTI REHAT**

14. Keputusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) terdahulu tuan/puan yang ditukar lantik ke jawatan baru boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi yang berkenaan untuk dinilai setara jika kompetensi kedua-dua skim perkhidmatan adalah sama atau tidak jauh berbeza. Sekiranya dipersetujui, kelulusan PTK di jawatan asal boleh digunapakai untuk dipertimbangkan pemberian Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

15. Tuan/ Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan.

**PENEMPATAN**

16. Ketua Perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**KETUA  
PERKHIDMATAN**

17. Tuan/ Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa di agensi penerima.

**KEPERLUAN  
MEMATUHI  
PERATURAN**

18. Tuan/ Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan kesihatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal.

**SYARAT  
PELANTIKAN  
YANG  
DIKECUALIKAN**

19. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Jun 2010**.

**TARIKH  
KUATKUASA**

20. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman.

**HUBUNGAN  
DENGAN  
PERKHIDMATAN  
ASAL**